

Dr M sangkal dakwaan Nik Aziz

BH 16 APR 2000

Oleh KADIR DIKOH

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyangkal dakwaan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, konon masalah perpaduan orang Melayu tidak pernah dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, Mursyidul Am Pas itu masih baru lagi menyertai mesyuarat Majlis Raja-Raja iaitu sejak menyandang jawatan Menteri Besar.

"Saya sudah lama berada dalam Majlis Raja-Raja dan saya tahu raja-raja biasa menyuarakan pandangan mereka terhadap perpaduan orang Melayu. Mungkin tidak mesyuarat secara formal tetapi sebelum mesyuarat secara formal kita biasa ada perbincangan antara raja-raja, gabenor (Yang Dipertua Negeri) dan saya sebagai Perdana Menteri."

"Dan, pada waktu itu, ada kalanya raja menyuarakan kekhuatiran mereka terhadap perpaduan orang Melayu," katanya dalam temu ramah khas dengan *Berita e-Umno*, akhbar elektronik parti itu, sebagai mengulas laporan lidah rasmi Pas, *Harakah* baru-baru ini mengenai dakwaan Nik Aziz itu.

(Temu ramah khas dengan Perdana Menteri akan disiarkan sepenuhnya dalam *Berita Harian* esok).

Temu ramah itu juga boleh dilayari di laman web *Berita e-Umno* menerusi alamat www.umno.org.my/e-umno.

Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-185 yada 23 dan 24 Mac lalu, dengan masing-masing Sultan yang menjadi ketua agama negeri bersetuju mengambil tindakan tertentu untuk menvatupadukan semula umat Islam yang berpecah akibat politik.

Persetujuan itu dicanai selepas Dr Mahathir memberi taklimat khas kepada mesyuarat berkenaan yang dipengerusikan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah di Istana Negara.

Nik Aziz sebelum ini juga pernah dilaporkan sebagai berkata jika raja-raja Melayu campur tangan dalam menvelesaikan isu itu, raja dianggap mencampuri urusan politik.

Dalam temu ramah itu, Dr Mahathir yang turut ditanya sama ada patut bagi kerajaan mengesyorkan supaya ulama bersikap realistik dan berani dalam memperbetulkan hukum yang diselewengkan oleh pihak tertentu yang boleh menjuruskan perpecahan umat Islam di negara ini, berkata:

"Itu adalah hak mereka hendak menvuarkan atau tidak tetapi apabila kepercayaan kepada agama Islam hendak dilumpuhkan dan begituantang dan mengelirukan umat Islam di Malaysia, saya berpendapat sama ada ditanya atau pun tidak, sebagai ulama yang rasa tanggungjawab terhadap agama Islam, terhadap akidah orang-orang Islam.. mereka mestilah memperdengarkan ajaran Islam yang sebenarnya."

Beliau bagaimanapun berkata, ulama tidak mahu terbabit dalam kontroversi bagi mengelak dianggap menyertai politik, menyebabkan mereka tidak begitu gemar membuat komen dan kenyataan seperti dilakukan oleh parti Pas.

Sebaliknya, kata beliau, Pas berani menyatakan seperti Tuhan mencarut yang mana ia tidak benar sama sekali.

Selain itu katanya, Pas menyatakan hanya orang yang menyertai parti itu saja Islam dan boleh ke syurga jika mengundi Pas.

"Ini satu pembohongan besar yang dibuat oleh mereka. Malangnya, mereka terus dan boleh membuat pembohongan ini dengan tidak ditegur... cuma di kalangan ahli politik saja yang tampil menegur," katanya.